

SESI TAKLIMAT




Malaysia Competition Commission

**LAPORAN AKHIR KAJIAN PASARAN
DOMESTIK AYAM DAGING
PENEMUAN UTAMA & CADANGAN**

KANDUNGAN

- I. OBJEKTIF KAJIAN**
- II. PROSES YANG TERLIBAT**
- III. LATAR BELAKANG & RANTAIAN AYAM DAGING**
- IV. PENEMUAN UTAMA & CADANGAN**
- V. KESIMPULAN**



I. OBJEKTIF KAJIAN

1. Membuat penilaian ke atas pasaran ayam daging (*broiler*) dari perspektif undang-undang persaingan.
2. Hasil kajian adalah bagi memberi panduan kepada MyCC sama ada penyiasatan ke atas mana-mana pelanggaran di bawah Akta Persaingan 2010 perlu dijalankan atau sebaliknya.



II. PROSES YANG TERLIBAT

Jul 2012

- Konsultasi awam
 - hanya menerima maklum balas daripada DVS, FLFAM dan KFC Holdings

Dis 2012

- Laporan Interim

Sept 2013

- Skop untuk kajian lanjut diluluskan oleh Suruhanjaya

Oct – Dis
2013


- Berunding dengan DVS (Persekutuan dan Negeri), KPDNKK, MARDI, Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ), FLFAM, pemborong

Jan 2014


- Laporan Akhir

III. LATAR BELAKANG


- Ayam daging merupakan pilihan utama sumber protein penduduk di Semenanjung Malaysia
- Penggunaan domestik: 390 juta (2006) kepada 594 juta (2012) – peningkatan lebih daripada 52%
- Pengeluaran: 427 juta (2006) kepada 637 juta (2012) – peningkatan lebih daripada 49%
- Pengeluaran ayam daging telah melebihi penggunaan domestik
- Semenanjung Malaysia telah mencapai *self sufficiency level* bagi keperluan ayam daging semenjak tahun 1990 lagi



PENGELUARAN DAN PENGGUNAAN




Sumber: DVS



PENGELUARAN DAN PENGGUNAAN

Tahun	Pengeluaran	Penggunaan	<i>Lebihan</i>
2006	427,225,469	390,080,000	37,145,469
2007	471,561,594	431,370,000	40,191,594
2008	491,467,409	450,700,000	40,767,409
2009	516,231,809	473,150,000	43,081,809
2010	524,035,048	479,120,000	44,915,048
2011	614,496,996	568,430,000	46,066,996
2012	636,997,603	594,230,000	42,767,603



Sumber: DVS




III. RANTAIAN AYAM DAGING

Segmen "upstream"

Segmen "downstream"



IV. PENEMUAN UTAMA DAN CADANGAN



(i) EKSPLOITASI HARGA

- Terdapat segelintir pemborong memaklumkan kepada MyCC bahawa ketika musim perayaan, *integrator* atau *bukan-integrator* akan mengenakan harga yang sama dengan harga runcit "maksimum yang dibenarkan" yang diwartakan oleh KPDNKK dan juga mengenakan harga tambahan untuk menangkap ayam.

Cadangan:

MyCC melakukan satu siasatan terhadap "pakatan" ini di bawah seksyen 4 Akta Persaingan 2010; dan/atau Unit Pengawalan Harga, KPDNKK melakukan siasatan terhadap perlakuan penternak-penternak ayam daging pada musim perayaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

Tindakan: MyCC & KPDNKK

(ii) HARGA ADALAH “ASYMMETRIC”

- Analisa ekonometrik yang dilakukan terhadap perubahan harga ayam daging di peringkat perladangan (*ex farm*) dari Januari 2007 hingga Mac 2012 dan didapati harga tersebut dialirkan secara *asymmetric* dan positif kepada harga ayam daging standard (runcit).
- Bagi setiap kenaikan 10 peratus harga ayam daging di peringkat *ex farm*, harga runcit boleh dijangka naik sebanyak 7.5 peratus. Namun didapati penurunan harga di peringkat *ex farm* tidak menyebabkan penurunan harga runcit.

Cadangan:

MyCC perlu mempertimbangkan satu kajian khusus untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan harga menjadi *asymmetric*. Data berkenaan dengan kos yang terlibat dalam operasi perniagaan ayam daging boleh diperolehi melalui seksyen 18 Akta Persaingan 2010.

Tindakan: MyCC



(iii) SKIM KAWALAN HARGA KPDNKK [1]

- Penetapan harga runcit "maksimum yang dibenarkan" bagi 2 minggu sebelum dan selepas musim perayaan yang bertujuan untuk menghalang peruncit daripada mengenakan harga yang terlalu tinggi kepada pengguna.
- Secara tidak langsung persaingan di antara peruncit-peruncit menjadi lemah dan ini boleh mewujudkan gangguan pasaran serta menyebabkan hubungan komersial di antara pemborong dan peruncit menjadi kurang telus.

Cadangan:

- (1) Mengguna pakai amalan penetapan harga runcit “maksimum yang dibenarkan” hanya jika ianya didapati perlu dilaksanakan bagi menghalang harga yang terlalu tinggi sebelum atau selepas musim perayaan.
- (2) Harus mengkaji kesan daripada pengawalan harga yang dilaksanakan terhadap perlakuan penetapan harga oleh perladangan, pemborong dan peruncit.

Tindakan: KPDNKK

(iii) SKIM KAWALAN HARGA KPDNKK [2]

- MyCC mendapati bahawa KPDNKK berunding dengan “pemain industri” ayam daging secara terbuka dalam membuat keputusan penetapan harga “maksimum yang dibenarkan”.

Cadangan:

(3) MyCC mencadangkan supaya kaedah ini dikaji semula dan digantikan dengan perundingan secara tertutup dan pengawasan terhadap perniagaan ayam daging secara individu dilakukan jika perlu.

Tindakan: KPDNKK

(iv) DATA TIDAK LENGKAP

- MyCC mendapati terdapat sebanyak 292 perladangan ayam daging berdaftar sebagai entiti perniagaan yang sah di SSM sehingga tahun 2008.
- Bilangan ini hanya 12.1% sahaja daripada 2,402 perladangan ayam daging berdasarkan data yang direkodkan oleh DVS.
- MyCC berpendapat bahawa struktur pasaran di peringkat perladangan (*ex farm*) perlu difahami dengan lebih jelas melalui penubuhan satu pangkalan data aktiviti penternakan ayam daging.

Cadangan:

MOA harus berunding dengan kementerian-kementerian lain, agensi-agensi kerajaan dan persatuan-persatuan perniagaan yang mengumpul data perladangan ayam daging untuk memformulasi dan membangunkan satu pangkalan data am yang merangkumi kedua-dua perniagaan penternakan ayam daging berdaftar dan yang tidak berdaftar.

Tindakan: MOA/DVS/SSM/DOS

(v) SEKATAN KEMASUKAN

- Didapati setiap negeri di Semenanjung Malaysia mempunyai prosedur yang berbeza dalam penguatkuasaan dan pelaksanaan Enakmen Unggas 2005 yang berkaitan dengan perlesenan dan kegunaan tanah.
- Perbezaan ini akan menimbulkan sekatan kemasukan (*entry barrier*) bagi pelaburan atau perkembangan perniagaan ayam daging khususnya jika ianya tidak dikuatkuasakan dan dilaksanakan dengan baik.

Cadangan:

Setiap DVS negeri perlu menyeragamkan peraturan berkenaan dengan perlesenan tanah penternakan dan prosedur operasi ayam daging.

Tindakan: DVS

(vi) KONTRAK PERLADANGAN

- Terdapat beberapa isu yang boleh diperhalusi dalam kontrak perladangan ayam daging di Semenanjung Malaysia di antara *integrator* dan penternak.
- Secara keseluruhannya, terma kontrak perladangan lebih memihak kepada pihak *integrator* tanpa mengambil kira kepentingan dan kesejahteraan penternak kecil.

Cadangan:


DVS perlu mengambil langkah bagi mengkaji masalah ini dan memastikan hak-hak penternak kecil terbela dengan mewujudkan garis panduan yang bersesuaian untuk kontrak perladangan ayam daging.

Tindakan: DVS/MOA

V. KESIMPULAN

Bagi memastikan pasaran ayam daging berada di tahap kompetitif dan berdaya saing:

- (i) Pemantauan dan tindakan perlu diambil terhadap peniaga-peniaga yang didapati melakukan aktiviti-aktiviti anti-persaingan di bawah Akta Persaingan 2010.
- (ii) Jalinan kerjasama strategik bersama agensi-agensi kerajaan berkaitan yang terlibat dalam pasaran ayam daging bagi bersama-sama mengenal pasti dan mengatasi masalah yang wujud.



TERIMA KASIH



www.mycc.gov.my